

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2021
PERNIAGAAN KERTAS 2 (3766/2)
NOVEMBER 2021
2 jam 15 minit**

Dua jam lima belas minit

Nama Pelajar : _____

Tingkatan: _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **TIGA** bahagian : Bahagian A, B dan C.*
2. **Jawab 5 soalan daripada 6 soalan di bahagian A (struktur) : 50 markah.**
3. **Jawab 2 soalan daripada 3 soalan di bahagian B (esei) : 30 markah.**
4. **Jawab semua (1) soalan di bahagian C (kajian kes) : 20 markah.**
5. *Jawapan bagi soalan di bahagian A, hendaklah ditulis di dalam kertas soalan pada ruang jawapan yang telah disediakan.*
6. *Jawapan bagi soalan di bahagian B dan C hendaklah di tulis dalam helaian kertas jawapan yang disediakan dan perlu diikat serta dihantar bersama-sama kertas soalan pada akhir peperiksaan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan dan soalan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Bahagian A		Markah
Soalan 1	10	
Soalan 2	10	
Soalan 3	10	
Soalan 4	10	
Soalan 5	10	
Soalan 6	10	
Jumlah Markah (A)	50	
Bahagian B		
Soalan 7	15	
Soalan 8	15	
Soalan 9	15	
Jumlah Markah (B)	30	
Bahagian C		
Soalan 10	20	
Jumlah Markah (C)	20	
Jumlah (A+B+C) (Markah)	100	

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Bahagian A**[50 markah]***Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.*

1. a) Jelaskan tujuan perniagaan [3 markah]
 b) Gambar 1 menunjukkan suatu pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Nyatakan bentuk pemilikan perniagaan di atas dan jelaskan ciri- ciri perniagaan tersebut. [3 markah]

- c) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Linaco Sdn. Bhd.

Bilangan Pekerja tetap	Jumlah Jualan tahunan	Pasaran Produk	Visi Perniagaan
100 orang	RM18 juta	Johor, Indonesia	"Menjadi pengeluar santan halal terkemuka di Malaysia"

Terangkan saiz dan skala Syarikat Linaco Sdn. Bhd ? [4 markah]

2. a) Di Malaysia, di bawah kerajaan negeri, terdapat kerajaan tempatan yang berperanan menguruskan hal ehwal tempatan.
- i. Nyatakan peranan kerajaan pusat dari aspek perundangan. [2 markah]
 ii. Terangkan bagaimanakah kerajaan pusat membantu memperkembangkan aktiviti perniagaan. [4 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis perniagaan.

Syarikat Luqman Sdn. Bhd. mengeluarkan produk minyak wangi. Syarikat berjaya mengeluarkan sebanyak 250 000 unit botol minyak wangi pada tahun 2019. Permintaan minyak wangi keluarannya mendapat sambutan hangat pada bulan Mei dan Jun kerana promosi yang dijalankan sempena sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa.

Terangkan ciri-ciri objektif yang telah dicapai oleh Syarikat Luqman Sdn. Bhd. [4 Markah]

- 3.a) Visi, Misi dan Objektif perniagaan merupakan perancangan yang digunakan oleh organisasi perniagaan dalam mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan.

Jelaskan maksud objektif perniagaan.

[2 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan En Hazama.

En. Hazama menyedari potensi yang cukup besar dalam industri menjual basikal pada masa kini. Beliau berhasrat membuka sebuah perniagaan menjual komponen basikal dan basikal lengkap di bandar Batu Pahat. Pada peringkat awal perancangan, beliau mendapatkan maklumat dan membuat tinjauan pasaran berkaitan perniagaan basikal daripada kedai menjual basikal sedia ada, pembekal dan pengeluar basikal serta agensi kewangan bagi tujuan mendapatkan sumber pembiayaan.

Huraikan perkaitan interaksi yang boleh wujud antara perniagaan En. Hazama dengan pembekal dan pengeluar basikal dalam bahagian fungsian jualan dan bahagian fungsian kewangan.

[4 markah]

- c) Gambar 2 menunjukkan contoh peralatan teknologi maklumat dan komunikasi.




Gambar 2

Jelaskan tujuan penggunaan peralatan tersebut dalam perniagaan.

[4 markah]

4. a) Gambar 5 menunjukkan sumber teknologi yang dimiliki oleh dua buah perniagaan.



Gambar 5

Terangkan prosedur mengurus sumber teknologi yang perlu dilakukan oleh kedua-dua pemilik perniagaan tersebut. [6 markah]

- b) Gambar 6 menunjukkan logo sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Gambar 6

Lakarkan struktur organisasi yang sesuai digunakan bagi institusi kewangan tersebut. [4 markah]

5. a) Situasi berikut menunjukkan sumber pembiayaan yang dimiliki oleh Puan Tina, seorang peniaga pakaian.

Puan Tina ingin menjual pakaian secara online. Beliau menggunakan wang simpanannya sebanyak RM 20,000 sebagai modal permulaan.

Jelaskan kekuatan dan kelemahan sumber pembiayaan yang dimiliki oleh Puan Tina. [3 markah]

- b) Mengapakah penyata kewangan penting kepada pihak pengurusan? [3 markah]

- c) Bagaimanakah berniaga dapat menjamin keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan? [4 markah]

6. a) Maklumat berikut berkaitan akta yang perlu dipatuhi oleh usahawan yang ingin memulakan perniagaan.

Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

Nyatakan dua bentuk milikan perniagaan di bawah akta tersebut.

[2 Markah]

b) Gambar 7 menunjukkan dokumen yang diterima oleh usahawan setelah mendaftarkan perniagaan.



Gambar 7

Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seseorang usahawan setelah mendapat dokumen tersebut.

[4 markah]

c) Maklumat berikut berkaitan perniagaan milik Encik Yazid.

Tahun	Keterangan
2018	Memulakan perniagaan menternak kambing dengan modal permulaan daripada simpanan sendiri sebanyak RM2,000.
2019	Menambahkan bilangan ternakan kambing berikutan permintaan yang meningkat semasa musim perayaan.
2021	Menghasilkan kambing perap sejuk beku dan berusaha meluaskan pasaran ke seluruh negeri Johor.

Jelaskan ciri keperibadian usahawan yang dimiliki Encik Yazid.

[4 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. Gambar di bawah menunjukkan salah satu faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.



Gambar A



Gambar B

- (b) Bezakan jenis stok gambar A dan gambar rajah B. [4 markah]

- (c) Situasi di bawah berkaitan Perniagaan Puan Qairina

Puan Qairina sedang mempertimbangkan calon yang sesuai untuk mengisi jawatan penyelia operasi yang terdapat dalam organisasi syarikat beliau. Beliau bercadang untuk mengambil pekerja sedia ada, yang telah lama bekerja dalam syarikat beliau.

Huraikan kelebihan tindakan yang diambil oleh Puan Qairina dalam situasi di atas.

[6 markah]

- (d) Berikut merupakan situasi yang dialami oleh En. Muaz berkaitan tawaran pekerjaan yang beliau peroleh.

En. Muaz telah memperoleh tawaran kerja daripada 2 syarikat yang berbeza. Butiran tersebut adalah seperti di bawah.

SYARIKAT ABU

1. Perniagaan mempunyai imej dan kedudukan yang stabil kerana telah lama beroperasi.
2. Lokasi premis terletak dikawasan bandar utama di Johor Bahru
3. Bidang tugas ialah membuat promosi jualan
4. Menjalankan aktiviti jualan dan perkhidmatan selepas jualan,
5. Jumlah gaji: RM2 200.

SYARIKAT HELMI

1. Perniagaan baru beroperasi setahun yang lepas
2. Lokasi premis terletak di kawasan taman perumahan di Pekan Parit Sulong
3. Bidang tugas ialah mengurus stok perniagaan
4. Jumlah gaji: RM1 500.

Huraikan faktor yang menyebabkan Syarikat Abu mampu menawarkan gaji yang lebih tinggi berbanding Syarikat Helmi. [5 markah]

8. Berikut perbualan di antara Pengurus Besar dan Pengurus Operasi Syarikat Berjaya Sdn Bhd.

Pengurus Besar	: Sebelum kita mulakan mesyuarat hari ini, mari kita melihat kembali misi Syarikat Berjaya Sdn Bhd “ Menawarkan produk dan perkhidmatan berkualiti bertaraf antarabangsa’. Encik Azman dah periksa mesin pengisar yang baru sampai?
Pengurus Operasi	: Belum Encik Amir, kebiasaan mesin baru tidak ada masalah dan berfungsi dengan baik.
Pengurus Besar	: Mencegah lebih baik daripada merawat. Periksa segera sebelum kita terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi.
Pengurus Operasi	: Baik Encik Amir.

- a) (i) Jelaskan maksud misi. [2 markah]
(ii) Mengapakah Pengurus Besar mengingatkan staf di bawahnya tentang misi syarikat? [4 markah]
- b) Jelaskan kepentingan tindakan Pengurus Operasi dalam pengurusan sumber fizikal. [4 markah]
- c) Cadangkan satu jenis pembiayaan yang sesuai, sekiranya Syarikat Berjaya Sdn Bhd ingin mengurangkan kos pembelian mesin. [5 markah]

9. Maklumat berikut berkaitan kedudukan kewangan Pasaraya Sakan Sdn Bhd.

Nisbah	2019	2020
Nisbah Untung		
a) Peratusan Margin Untung Kasar	30%	15.3%
b) Peratus Margin Untung Bersih	4.0 %	2.9%

Berdasarkan maklumat kewangan,

- (a) Huraikan prestasi perniagaan Pasaraya Sakan Sdn Bhd berdasarkan nisbah untung . [5 markah]
- (b) Jelaskan trend perniagaan Pasaraya Sakan Sdn Bhd [4 markah]
- (c) Bagaimanakah faktor luaran dapat mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan Pasaraya Sakan Sdn Bhd. [6 markah]

Bahagian C
[20 markah]
Soalan ini wajib dijawab.

Arahan : Sila baca kes dengan teliti dan jawab semua soalan:

Syarikat Ameera Enterprise telah ditubuhkan pada 1 Januari 2010 oleh Encik Amir. Ia telah beroperasi selama 10 tahun di dalam bidang tekstil dan pengeluaran pakaian bagi wanita dan lelaki. Encik Amir memulakan perniagaan dengan membuka Kedai Butik di Batu Pahat Johor dengan menjual dan mengambil tempahan pakaian baju kurung dan baju melayu, t-shirt lelaki dan wanita, baju korporat serta tempahan pakaian pengantin. Encik Amir turut dibantu oleh isterinya iaitu Puan Ameera dan seorang anaknya yang berkelulusan Ijazah dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari universiti tempatan. Modal permulaan sebanyak RM100,000 ribu diperolehi daripada simpanan sendiri. Encik Amir bertuah kerana isterinya mempunyai pengalaman sebagai tukang jahit di sebuah syarikat pengeluar tekstil terkenal di Kuala Lumpur. Pengalaman selama 5 tahun tersebut digunakan sebagai batu loncatan bagi membuka perniagaan sendiri. Encik Amir juga pernah bekerja di Maybank Berhad Johor Bahru sebagai Pengurus Pemasaran. Syarikat turut mengambil pekerja tetap seramai 13 orang.

Encik Amir telah membuat jualan tunai sebanyak RM30,000 pada bulan Januari 2010. Selain itu, Encik Amir juga telah membeli barang niaga secara tunai sebanyak RM20,000. Pembayaran gaji kepada pekerjanya juga dibuat secara tunai berjumlah RM15,000. Encik Amir juga telah membayar sewa kedai secara tunai sebanyak RM4,000 dan membuat bayaran belanja am sebanyak RM7,000. Encik Amir juga telah membeli mesin jahit sebagai aset tetap perniagaan secara tunai sebanyak RM60,000.

Pada tahun 2011, Syarikat Ameera Enterprise telah mengalami kemerosotan jualan dan kerugian apabila kenaikan harga bahan tekstil untuk pengeluaran bagi tempahan semasa musim perayaan. Syarikat Ameera Enterprise tidak mampu membayar kos bahan mentah dan membayar gaji pekerja. Kesannya, tempahan tersebut terpaksa dibatalkan. Encik Amir cuba mendapatkan bantuan pinjaman dari pihak bank, namun permohonannya ditolak. Hasrat Encik Amir bagi membuka sebuah cawangan di Johor Bahru turut ditangguhkan kerana kekurangan modal.

Pada tahun berikutnya, Encik Amir telah membuat satu perubahan drastik dengan membuat jualan secara atas talian (on-line) melalui platform e-dagang. Produk dan harga dipamerkan secara atas talian. Encik Amir juga memberikan harga dan diskaun istimewa bagi pelanggan tetapnya. Tempahan baju korporat dari individu dan syarikat swasta serta badan kerajaan secara atas talian amat memberangsangkan. Peningkatan permintaan tempahan dari pelanggan mendapat sambutan yang sangat baik. Promosi sempena musim perayaan diadakan setiap tahun. Jualan turut meningkat setiap bulan secara berterusan. Syarikat Ameera Enterprise juga telah meluaskan pasaran dengan membuka 2 cawangan Kedai Butik Ameera di Johor Bahru dan Melaka. Kini, jenama produk Ameera kian tersohor dan menjadi pilihan pelanggan.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Nyata dan jelaskan milikan perniagaan Syarikat Ameera Enterprise yang ditubuhkan oleh Encik Amir?
[3 markah]
- b) Terangkan empat peranan fungsian jualan Syarikat Ameera Enterprise?
[4 markah]
- c) Sediakan satu penyata aliran tunai bagi belanjawan tunai bulan Januari 2010?
[5 markah]
- d) Jelaskan kesan kerugian yang dihadapi oleh Syarikat Ameera Enterprise pada tahun 2011 ?
[4 markah]
- e) Terangkan dua elemen campuran pemasaran yang terlibat bagi pemasaran produk keluaran Syarikat Ameera Enterprise?
[4 markah]

SOALAN TAMAT